

**SOALAN LAZIM**  
**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG (BUU)**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

- 1. Berapa lamakah tempoh yang diambil oleh Bahagian Undang-Undang untuk memberi khidmat nasihat perundangan bertulis?**

Bahagian ini mengambil masa 14 hari untuk memberi/ mengeluarkan sesuatu khidmat nasihat perundangan bergantung kepada kompleksnya sesuatu isu yang diajukan.

- 2. Berapa lamakah tempoh yang di ambil oleh Bahagian Undang-Undang untuk menyemak sesuatu perundangan subsidiari?**

Bahagian ini mengambil masa 7 hari bagi menyemak sesuatu perundangan subsidiari dengan syarat dasar dan isu-isu kewangan telah dimuktamadkan.

- 3. Adakah Bahagian Undang-Undang juga memberi nasihat perundangan kepada orang perseorangan? Apakah bidang kuasa Bahagian ini?**

Bahagian ini tidak memberi khidmat nasihat kepada orang perseorangan. Bahagian ini hanya memberi khidmat nasihat perundangan kepada pihak Kementerian Kewangan juga Jabatan/agensi/ badan-badan berkanun yang bernaung di bawahnya dan bidang kuasa Bahagian ini adalah untuk menafsir peruntukan undang-undang kewangan yang berkisar mengenai isu-isu kewangan sahaja.